

09/12/2001

Tabung Haji perketat syarat keluarkan wang

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Lembaga Tabung Haji mengenakan syarat lebih ketat bagi sebarang pengeluaran deposit oleh penyimpannya termasuk memastikan kesahihan kad pengenalan menerusi pemeriksaan serta merta secara 'on-line' dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Pengerusinya, Tan Sri Zainol Mahmood, berkata malah prosedur baru itu turut dikenakan terhadap kakitangan Tabung Haji yang diwajibkan menggunakan kata laluan bagi membuka pangkalan data supaya diketahui siapa yang melakukan urusan niaga serta direkodkan.

Katanya, langkah keselamatan itu diperkenalkan berikutan kes kecurian wang pendeposit Tabung Haji berjumlah RM7.725 juta baru-baru ini sehingga tertangkapnya tiga orang yang dipercayai menjadi dalang.

Mereka dipercayai menggunakan kelemahan sistem pengeluaran wang pendeposit Tabung Haji dengan memalsukan kad pengenalan untuk mengeluarkan wang berkenaan. Malah, mereka dipercayai merancang pengeluaran wang pendeposit dengan menggunakan nama, cop jari dan nombor kad pengenalan pendeposit melalui kerjasama pegawai dalaman Tabung Haji.

"Kami akan mula menggunakan khidmat JPN Januari depan bagi memastikan kesahihan identiti pendeposit. Tabung Haji sudah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri untuk menggunakan khidmat JPN termasuk bagi melatih kakitangan Tabung Haji mengenal pasti kesahihan kad pengenalan pendeposit," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyerahkan buku akaun simpanan Tabung Haji milik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam.

Pengurus Besar Kanan (Pendeposit) Tabung Haji, Datuk Ujang Siakir yang hadir sama berkata pihaknya turut mempertingkatkan lagi keupayaan automasi elektronik bagi menyukarkan sebarang urusan niaga secara manual.

"Umpamanya kalau orang itu datang ke kaunter, mesti bawa kad pengenalan yang sah dan melalui kad pengenalan itu kita gunakan teknologi mengimbas dan kaedah ini memaparkan maklumat akaun orang terbabit.

"Jadi tak boleh kalau kita sengaja nak masukkan nombor tertentu nak keluar maklumat orang, tak boleh dah sekarang, melainkan orang itu datang sendiri, bawa kad pengenalan yang sah dan kita dilatih bagaimana nak mengenal pasti kad pengenalan yang sah oleh JPN," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan dapat mengenal pasti siapa kakitangan kaunter yang melakukan urusan niaga kerana penyelia turut ditugaskan untuk membuat semakan dari semasa ke semasa selain mengenal pasti melalui penggunaan kata laluan komputer.

Zainol pula berkata Lembaga Tabung Haji turut melantik panel pelaburan Tabung Haji terdiri daripada golongan profesional bagi meneliti peraturan sedia ada, cara-cara pelaburan dan kemampuan pegawai dalaman menguruskan pelaburan.

"Ini semua sudah dikaji dan kita dapati banyak kelemahan, terutama dari segi kepakaran kakitangan dan peraturan-peraturan yang tidak kemas kini. Masalah itu timbul kerana Tabung Haji mengalami peningkatan mendadak jumlah wang simpanan sehingga RM10 bilion dalam masa yang singkat.

"Tetapi pengurusan dan peraturan Tabung Haji masih mengikut cara lama dan tidak berkembang. Semua hasil kajian itu akan dipertimbangkan dan perubahannya dijangka dilaksanakan tahun depan," katanya.

Zainol berkata selain itu, Tabung Haji juga melantik juruperunding untuk memberi nasihat mengenai prosedur supaya pengurusan Tabung Haji akan lebih

mantap.

"Berbagai-bagai kita dah buat, jadi saya harap dapat mengembalikan keyakinan rakyat kepada Tabung Haji," katanya.

(END)